

26 JUN 1999

Keadilan-Mahathir

KEADILAN MINTA POLIS SIASAT PERDANA MENTERI KERANA SALAHGUNA KUASA

MELAKA, 26 Jun (Bernama) -- Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Melaka hari ini membuat aduan polis meminta dijalankan siasatan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali kerana didakwa menyalahgunakan kuasa.

Ketuanya Muhammad Zahid Arip mendakwa bahawa Dr Mahathir dan Ibrahim menyalahgunakan kuasa dengan menggunakan Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk urusan politik Umno.

Laporan polis itu dibuat setelah Keadilan mengkaji kandungan risalah "Menangani Fitnah Habis-habisan" yang diterbitkan oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno, katanya kepada pemberita selepas membuat aduan di Balai Polis Melaka Tengah di sini.

Menurutnya risalah enam muka surat itu diedarkan semasa perhimpunan agung Umno baru-baru ini.

Zahid berkata kandungan risalah itu, yang meminta anggota Umno menghantar maklumat kepada urusetia pusat petugas MT Umno di JPM, jelas menunjukkan mereka menyalahgunakan JPM untuk kepentingan lain selain daripada urusan kerajaan.

"Selama ini kita dituduh membuat kenyataan tidak berasas apabila membangkitkan salahlaku Umno yang memperalatkan jentera kerajaan...laporan polis hari ini disertakan bukti kukuh dan sah," katanya.

Zahid berkata laporan itu meminta polis menyiasat Dr Mahathir dan Ibrahim mengikut Seksyen 2(1) Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) No 22/1970.

Turut bersama Zahid membuat laporan itu ialah Setiausaha Pemuda Keadilan Melaka Syamsul Iskandar Mohd Akin dan Ketua Penerangan Pemuda Keadilan Melaka Mohd Shahrom Shah.

-- BERNAMA

MOZ RON